

MAHATHIR-KEKAYAAN

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 5.30 PETANG)

198
KUALA LUMPUR, 29 MAC (BARNAMA) -- DATUK SERI D R MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MEMILIH PENDEKATAN UNTUK MENINGKATKAN KEKAYAAN NEGARA SUPAYA NEGARA MAMPU MEMBIAYAI TARAF HIDUP YANG TELAH MENJADI KEBIASAAN RAKYAT. +

PERDANA MENTERI BERKATA SEHINGGA KEKAYAAN- NEGARA MENINGKAT, KERAJAAN TERPAKSALAH MENGURANGKAN PERBELANJAAN HANGUS DAN SEBALIKNYA MENINGKATKAN PERUNTUKAN PELABURAN YANG BOLEH MENAMBAH KEKAYAAN.

"INSYA-ALLAH, DENGAN CARA INI, KITA AKAN DAPAT MEMBIAYAI KEHIDUPAN YANG LEBIH MEWAHDI MASA HADAPAN," KATANYA KETIKA MEMBENTANGKAN LAPORAN KAJIAN SEPARUK PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT (RME) DIDAWAN RAKYAT HARI INI.

DATUK SERI D R MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA, SEPERTI JUGA INDIVIDU, MESTILAH BERBELANJA DENGAN KADAR YANG IA MAMPU ATAU +UKUR BAJU DI BADAN SENDIRI+

"JIKA KITA BERHUTANG PUN, HUTANG ITU TIDAK BOLEH LEBIH DARIPADA KADAR YANG MAMPU DIBAYAR. SEBARANG PERCUBAAN UNTUK BERBELANJA LEBIH DARIPADA YANG KITA MAMPU AKAN MEMBINASAKAN NEGARA," JELASNYA.

-- LAGI 1552/LK

ZCZC B594

MAHATHIR-KEKAYAAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BERHADAPAN DENGAN KAKIKAT ITU, KATANYA, KERAJAAN MEMPUNYAI DUA PILIHAN SEKARANG IAITU SAMA ADA KERAJAAN BOLEH MENURUNKAN TARAF HIDUP NEGARA KEPARAS -YANG NEGARA MAMPU ATAU NEGARA BOLEH MENINGKATKAN KEKAYAAN SUPAYA NEGARA MAMPU MEMBIAYAI TARAF HIDUP YANG TELAH MENJADI KEBIASAAN NEGARA.

"KERAJAAN BERPENDAPAT BAHAWA KITA PATUT MEMILIH PENDEKATAN YANG KEDUA -- IAITU MENINGKATKAN KEKAYAAN KITA," JELASNYA.

DATUK SERI D R MAHATHIR BERKATA KEKAYAAN NEGARA BUKANLAH SESUATU YANG TERJADJX DENGAN SENDIRINYA TETAPI IA BOLEH MEROSOT ATAU MENINGKAT MENGIKUT KECERDASAN-DAN KEPINTARAN PENDUDUKNYA.

TENAGA MANUSIA DAN KEPINTARAN MEREKA ADALAH PUNCA KEKAYAAN YANG PERTAMA DAN UTAMA OLEH ITU PENDUDUK MESTILAH PANDAL MENGELUARKAN HASIL DAN MENINGKATKAN NILAI KELUARAN MEREKA DENGAN MEMPROSES HASIL ITU SEBELUM MEREKA DAN NEGARA DAPAT MENJADI KAYA, TEGASNYA.

"MEMILIKI SUMBER KEKAYAAN SEPERTI BIJIH ATAU TANAH YANG SUBUR ATAU LAUTAN YANG PENUH DENGAN IKAN, TIDAK DENGAN SENDIRINYA MENJADIKAN SESEBUAH NEGARA DAN PENDUDUKNYA KAYA," KATA PERDANA MENTERI.

-- LAGI 1553/LK

DATUK SERI DR MAHATHXR BERKATA MALAYSIA TELAH MENCATATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI PURATA ANTARA ENAM HINGGA LAPAN PERATUS SETAHUN SEMENJAK MERDEKA.

INI DICERMINKAN DENGAN PERBEZAAN HASIL-MAHSUL KERAJAAN PERSEKUTUAN YANG CUMA \$2,400 JUTA PADA TAHUN 1470 TETAPI TELAH MENINGKAT KEPADA \$18,385 JUTA TAHUN LALU (1983).

KATANYA SEBAHAGIAN BESAR PERTUMBUHAN EKONOMI BERASASKAN KEPADA PENGELUARAN BAHAN-BAHAN UTAMA SERTA BARANGAN BUATAN ELEKTRONIK YANG DIEKSORT.

SEBENARNYA, TAMBAHNYA, 50 PERATUS DARIPADA KELUARAN NEGARA KASAR (GNP) ADALAH DARIPADA EKSPORT IAITU SATU KEARAAAN YANG BERBEZA DARIPADA APA YANG TERDAPAT DI NEGARA-NEGARA SEPerti JEPUN DAN AMERIKA SYARIKAT DIMANA CUMA ANTARA 10 HINGGA 20 PERATUS SAHAJA DARIPADA KNK BERGANTUNG KEPADA EKSPORT.

DENGAN PERKATAAN LAIN, TERANG BELIAU, AKTIVITI EKONOMI DALAM NEGARA MEREKA MENYUMBANG LABIH BANYAK KEPADA KNK ATAU PENINGKATAN KEKAYAAN NEGARA BERBANDING DENGAN SUMBANGAN HASIL EKSPORT.

"SEBALIKNYA KITA TERLALU BERGANTUNG KEPADA EKSPORT UNTUK PENINGKATAN KEKAYAAN," KATA PERDANA MENTERI.

-- LAGI 1358/LK

ZCZC B396

MAHATHXR-KEKAYAAN 4 KWALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA OLEH KERANA MALAYSIA TERLALU BERGANTUNG KEPADA EKSPORT, APABILA SAHAJA EKONOMI DUNIA MEROSOT, EKONOMI MALAYSIA JUGA MEROSOT.

SEMENTARA NEGARA PERLU MEMPERTINGKAT LAGI EKSPORTNYA, PERTUMBUHAN EKONOMI HENDAKLAH JUGA DIASASKAN KEPADA AKTIVITI DI DALAM NEGARA, KATANYA.

"UNTUK INI KITA PERLU MEMBERI PERHATIAN KEPADA BERMACAM-MACAM KEGIATAN YANG BOLEH MENYUMBANG KEPADA KEKAYAAN NEGARA," KATA DATUK SERI DR- MAHATHIR.

MENURUTNYA PUNCA UTAMA KEKAYAAN IALAH TABUNGAN PENDAPATAN NEGARA SUPAYA DAPAT DIGUNAKAN UNTUK MELABUR.

TAPI MENYIMPAN SEBAHAGIAN DARIPADA PENDAPATAN AMATLAH PENTING TETAPI JIKALAU DISIMPAN SAHAJA NEGARA TETAP AKAN RUGI KERANA HARGA BARANG-BARANGAN MENINGKAT DAN WANG YANG DISIMPAN DAHULU TIDAK AKAN DAPAT MEMBELI SEBANYAK YANG BOLEH DIBELI PADA WAKTU MENYIMPANNYA, KATANYA.

"WANG TABUNG KITA MESTILAH DISIMPAN SUPAYA BOLEH DIGUNAKAN UNTUK PELABURAN IAITU DI BANK, TERMASUK BANK ISLAM, BANK SIMPANAN NASIONAL ATAU UNTUK DILABUR DALAM SAHAM AMANAH ATAU PUN TERUS UNTUK MEMBELI SAHAM SYARIKAT YANG TERKENAL," TEGASNYA.

-- LAGI 1604/LK

ZCZC es97

MAHATHIR-KEKAYAAN 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA JIKA SUDAH TERKUMPUL BANYAK BOLEHLAH MENGADAKAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN SENDIRI DENGAN DIBANTU OLEH SEDIKIT MODAL PERSEKUTUAN.

PERDANA MENTERI BERKATA PUNCA KEDUA KEKAYAAN IALAH PUSINGAN WANG.

"WANG YANG DISIMPAN DALAM BANTAL TIDAK AKAN MENINGKATKAN KEKAYAAN PENYIMPAN ATAU PUN NEGARA, SEBALIKNYA JIKA WANG ITU DILABUR DAN TERUS DILABUR, HASIL AKAN BERTAMBAH," KATANYA.

KATANYA SATURINGGIT YANG DILABUR SEPULUH KALI SETAHUN ADALAH SAMA DENGAN SEPULUHRINGGIT. OLEH ITU ADALAH PENTING WANG ITU BERGERAK SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG.

DATUK SERI DR MAHATHXR BERKATA SETIAP ORANG MESTILAH MENAMBAH DAYA PENGELUARANNYA IAITU KHIDMAT ATAU MUTU KERJANYA LEBIH DARIPADA PENINGKATAN UPAH YANG DITERIMA KERANA DAYA PENGELUARAN ADALAH MERUPAKAN PUNCA KEKAYAAN YANG KETIGA PENTINGNYA.

KATANYA SESEORANG TIDAK AKAN MENYUMBANG KEPADA DIRINYA, MASYARAKAT ATAU NEGARA JIKA IA TIDAK BEKERJA SAMA SEKALI SEBALIKNYA JIKA IA MEMBERI KHIDMAT ATAU MENGELUARKAN SEBAHAGIAN ATAU SESUATU BARANG IA AKAN MENYUMBANG KEPADA KEKAYAAN NEGARA.

-- LAGI 1610/LK

MAHATHIR-KEKAYAAN 6 KUALA LUMPUR

'' SUDAH TENTU JIKA IA BEKERJA KUAT, MEMBERI LEBIH BANYAK KHIDMAT ATAU MENGELUARKAN LEBIH BANYAK HASIL DARIPADA TENAGANYA, SUMBANGANNYA ADALAH LEBIH TINGGI, '' JELASNYA.

BAGAIMANAPUN, TAMBAHNYA, SUMBANGAN YANG LEBIH TIDAK BERMAKNA, DARI SEGI PENINGKATAN KEKAYAAN NEGARA, JIKA UPAH MENINGKAT LEBIH DARIPADA TAMBAHAN PENGELUARAN ATAU MENGAMBIL MASA YANG LEBIH PANJANG DARIPADA JUMLAH NISA YANG DIPERLUKAN OLEH ORANG YANG LEMBAB KERJANYA.

KATANYA PENINGKATAN DAYA PENGELUARAN AKAN MENENTUKAN SAMADA NEGARA DAPAT BERSAING OENGAN NEGARA-NEGARA LAIN DALAM BIDANG INDUSTRI DAN PERDAGANGAN.

'' JIKA KITA BERJAYA MAKA KEKAYAAN NEGARA AKAN BERTAMBAH DAN PENDAPATAN SEMUA PENDUDUK MALAYSIA AKAN BERTAMBAH, '' UJARNYA.

RAKYAT MALAYSIA, KATANYA, AKAN MENJADI PASAR YANG LEBIH BERKEUPAYAAN MEMBELI BANYAK BARANG PERLU OAN BARANG MENAWH YANG INI AKAN MENINGKATKAN KEGIATAN EKONOMI NEGARA YANG PULA AKAN MEMUJUDKAN LEBIH BANYAK PELUANG KERJA DAN PELUANG BERNIAGA.

- - LAGI 1755/LK

ZCZC 8665

MAHATHIR-KEKAYAAN 7 KUALA LUMPUR,

KERAJAAN PULA, KATANYA, AKAN LEBIH BANYAK HASIL YANG BOLEH DIGUNAKAN BUKAN SAHAJA UNTUK MENAMBAH GAJI TETAPI UNTUK MENYEDIAKAN BERMACAM-MACAM KEMUDAHAN INFRASTRUKTOR YANG DITUNTUT OLEH RAKYAT.

DATUK SERI D R. MAHATHIR BERKATA INI PERLU DIPERJELASKAN KERANA TEKANAN DALAM SEMUA RANCANGAN PEMBANGUNAN TERDAHULU DARIPADA INI LEBIH TERTUMPU KEPADA PERUNTUKAN YANG AKAN DIBUAT DI MANA MASING-MASING KEMENTERIAN, NEGERI ATAU KAWASAN MEREKA MAHUKAN PERUNTUKAN YANG LEBIH UNTUK PROJEK MEREKA.

SOAL DARI MANA DATANGNYA WANG UNTUK ITU SEMUA TIDAK DIBERI PERHATIAN, KATANYA.

TAMBAHNYA MEREKA YANG SERING MENGECEM KERAJAAN KERANA HUTANG TERLALU BANYAK TIDAK BERFIKIR DUA KALI BILA MENDESAK KERAJAAN UNTUK MEMPERUNTUKKAN WANG BAGI MAKSUD ITU DAN INI.

KATANYA KERAJAAN TIDAK DAPAT MENGELAKKAN DIRI DARIPADA BERHUTANG UNTUK PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN TETAPI PARAS HUTANG YANG BOLEH DIPIKUL OLEH SESEBUAH NEGARA BERGANTUNG KEPADA KEKAYAANNYA.

- - LAGI 1800/LK

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA JIKA PEMBAYARAN HUTANG NEGARA MENCAPAI PARAS 20 PERATUS DARIPADA EKSPORT, NEGARA AKAN MENGHADAPI MASALAH KEWANCAN YANG BESAR. +ALHAMDULILLAH KITA BELUM SAMPAI KE PERINGKAT ITUDANKITATIDAK AKAN SAMPAI KE PERINGKATITU JIKAKITA BERJIMAT DALAM PERBELANJAANKITA.+

KATANYA DALAMTEMPOH1981-83 MALAYSIA, SEPERTI NEGARA-NEGARA PEMBANGUNLAIN YANG BERGANTUNG KEPADA EKSPORT,TELAHMENERIMA TEKANAN TERUK DARIPADA KEMELESETAN EKONOMI DUNIA.

HARGA BARANGAN UTAMA YANG MALAYSIA EKSPORT TELAH MEROSOT SEBALIKNYA HARGA IMPORT TETAP KEKAL PADAPARAS YANG TINGGI MENGAKIBATKAN NEGARAMENCATATKAN KURANGAN AKAUN LUARNEGERI YANG BESAR BERJUMLAH \$19,400 JUTA.

BAGAIMANAPUN LANGKAH-LANGKAH MENGURANGKAN KESAN KEMELESETANDENGAN MENINGKATKAN PEREELANJAAN SEKTOR AWAM BAGITEMPOH DUA TAHUN YANG PERTAMA RANCANGAN MALYSIAKEEMPAT TELAH MEMBOLEHKANEKONOMI NEGARA MENCAPAI PERTUMBUHAN SEBANYAK 6.2 PERATUS SETAHUN IAITU SATU KADAR YANG BOLEHDIBANGGAKAN.

KERAJAAN, KATANYA TIDAK BOLEH MENERUSKAN AMALAN PENINGKATAN PERBELANJAAN SEKTOR AWAM ITUTERLALULAMA YANG BOLEH MELIBATKAN PXNJAHAN YANG BESARDAN AKAN MEMBAWAKESAN YANG BURUK KEMUDIANKELAK MELAINKAN J IKA EKONOMI PULIH DENGAN PRESTASI YANG AMAT TINGGI.

KATANYA DALAMTEMPOH 1981-83 PINJAMAN BERSIH LUAR NEGERI BERJUMLAH \$13,000 JUTA. WALAUPUN JUMLAH ITU MASIH BOLEH DIPIKUL TETAPI TAMBAHAN HUTANG AKAN MEMBEBAHKAN NEGARA DENGAN TERUK MENJELANGTAHUN1986 DAN SETERUSNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEMELESETAN EKONOMI JUGA MEMBERI KESAN KEPADA KEDUDUKAN GUNATENAGA DIMANA DALAMTEMPOH KAJIANJUMLAH PEKERJAAN BERTAMBAH SEBANYAK 428,000 IAITULEBIH RENDAH DARIPADA TAMBAHAN TENAGA BURUH YANG TELAH MENINGKAT KEPADA JUMLAH 471,000 ORANG.

KATANYA AKIBATPERKEMBANGANITU KADAR PENGANGGURANTELAH MENINGKAT KEPADA 9.7 PERATUS DALAM TAHUN 1980KEPADAENAM, PERATUSDALAM TAHUN LALU.

BAGAIMANAPUN MASALAH PENGANGGURAN DI NEGARA INI ADALAH TERKAWAC D A N SEBAHAGIAN BESARNYA ADALAH DISEBABKAN OLEH PILIHAN PEKERJA SENDIRI KATANYA.

-- BERNAMA 1810/LK